

11 OCT 2002

DR KOH SAMBUT BAIK BERI KERAKYATAN KEHORMAT

PULAU PINANG, 11 Okt (Bernama) -- Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon hari ini menyambut baik cadangan kerajaan untuk memberi status kerakyatan kehormat kepada orang asing yang mahu menyumbang kepada ekonomi Malaysia.

Beliau berkata cadangan itu dapat meningkatkan daya saing Malaysia kerana akan menarik pelabur dan tenaga pakar yang mampu membantu memacu negara dalam era teknologi maklumat dan komunikasi.

Pemberian status itu hendaklah hanya kepada pelabur yang sebenar serta tenaga pakar yang berkualiti, katanya kepada pemberita selepas merasmikan kilang Mini-Circuits Technologies Malaysia Sdn Bhd di sini.

Dr Koh berkata cadangan memberikan status kerakyatan kehormat itu adalah satu konsep yang baik.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohathir semalam berkata kerajaan sedang mengkaji cadangan tersebut.

Dr Koh berkata cadangan itu akan memberi banyak manfaat kerana mereka yang diberikan taraf berkenaan dapat tinggal lebih lama di negara ini untuk menyumbang kepada pembangunan ekonomi.

-- BERNAMA

AHM MOZ